## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Risda Bina Sdn Bhd bagi jawatan-jawatan seperti dalam lampiran berkembar. Syarat –syarat berikut mestilah dipenuhi daripada yang tertera di lampiran.

1. Warga Negara Malaysia

2. Kelayakan akademik, gaji, pengalaman dan huraian kerja (Seperti dalam lampiran).

3. Permohonan :

   a. Terbuka kepada calon yang berminat dan berkelayakan. Permohonan daripada kakitangan RISDA dan anak syarikat RISDA hendaklah melalui Ketua Pusat Tanggungjawab masing-masing.

   b. Semua permohonan hendaklah dialamatkan kepada :

      Ketua Pegawai Eksekutif<br>
      RISDA BINA SDN BHD<br>
      GRAHA ESPEK 2<br>
      39-3 Jalan Suleiman 3,<br>
      Taman Putra Sulaiman<br>
      68000 Ampang, Selangor.

   c. Calon dikhendaki menulis nama jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat dengan menyertakan resume dan salinan sijil-sijil yang berkaitan serta satu gambar ukuran passport hendaklah dilekatkan di sebelah atas-kanan resume permohonan.

   d. Hanya permohon yang disenarai pendek akan dipelawa untuk menghadiri temuduga.

4. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 16 Disember 2016**

*LAMPIRAN*

**IKLAN JAWATAN KOSONG RISDA BINA SDN BHD (No. Syarikat : 274967-K)**

| Bil | Jawatan | Tangga gaji (RM) | Syarat / kelayakan | Huraian Kerja |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Juruukur Bahan (EG3) | RM2,839.00 – RM 5,126.00 | 1) Memiliki Ijazah Sarjana Muda Juru Ukur Bahan Kelas Pertama yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia.<br>2) Mempunyai pengalaman 3 tahun bekerja dalam bidang Ukur Bahan dengan Syarikat Pemaju Hartanah atau Syarikat Pembinaan<br>3) Mempunyai kemahiran Komputer khususnya Ms Office.<br>4) Mampu bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang baik. Keutamaan akan diberi kepada yang fasih berbahasa Inggeris.<br>5) Personaliti yang baik dan komitmen yang tinggi. | 1) Pra-Kontrak<br>a. Menyediakan anggaran kos awalan bagi cadangan pembangunan / projek<br>b. Menyediakan proposal bagi cadangan pembangunan / projek<br>c. Meyemak dan menyediakan anggaran kos yang disediakan oleh perunding Juruukur Bahan yang dilantik bagi sesebuah pembangunan.<br>d. Menyelia dan menyemak proses penyediaan Dokumen Tender yang disediakan oleh perunding Juruukur Bahan yang dilantik.<br>e. Menyelia dan menyemak Laporan Tender yang disediakan oleh perunding Juruukur Bahan yang dilantik.<br>f. Menyediakan deraf Surat Setuju Terima bagi Kontraktor yang berjaya.<br>g. Menyemak dokumen kontrak<br>h. Lain-lain tugasan yang berkaitan |

| Bil | Jawatan | Tangga gaji (RM) | Syarat / kelayakan | Huraian Kerja |
|---|---|---|---|---|
| | | | | 2) Pos-Kontrak<br><br>a. Menghadiri mesyuarat, lawatan tapak, menyelia dan melaporkan status pencapaian serta status kewangan sesebuah projek /pembangunan.<br><br>b. Menyemak perakuan bayaran interim kepada Kontraktor yang disediakan oleh perunding Juruukur Bahan yang dilantik.<br><br>c. Menyemak kertas kerja perubahan kerja (Variation Order) yang disediakan oleh perunding Juruukur Bahan yang dilantik.<br><br>d. Menyemak dan menyelia proses penyediaan kertas kerja Perakuan Akaun Akhir bagi sesuatu projek.<br><br>e. Menyelia dan menyemak dokumen-dokumen yang berkaitan dengan keperluan Kontrak yang perlu dikemukakan.<br><br>f. Menyelia dan mengurus perkara yang berkaitan dengan kontrak bagi projek yang dijalankan.<br><br>g. Lain-lain tugasan yang berkaitan |